



فكاواي كاواغن نكري ترغكانو
**PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU**

PERB.TR.K/55/24/23/01(2)

Bertarikh : 02 Januari 2024

Bersamaan : 21 Jamadilakhir 1445

**Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
Negeri Terengganu**

**PERWAKILAN KUASA PELUPUSAN ASET DAN MENGHAPUS KIRA KEHILANGAN
ASET KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

1. TUJUAN

Bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:-

- 1.1 Perwakilan kuasa Menteri Besar Terengganu kepada Pegawai Kewangan Negeri dan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bagi pelupusan aset dan menghapus kira kehilangan aset Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan seksyen 17, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] kuasa untuk menghapuskan kehilangan, kekurangan wang awam dan nilai-nilai stor yang hilang, kekurangan, tidak boleh digunakan, tidak boleh diservis atau usang serta kuasa meninggalkan amaun-amaun hasil, hutang dan lebihan yang tidak boleh dikembalikan terletak pada kuasa Menteri Besar.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, merujuk Seksyen 9, Akta Perwakilan Kuasa 1956, Menteri Besar juga boleh mewakilkan kuasa di bawah Seksyen 17 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] kepada pegawai-pegawai yang berkenaan untuk kuasa melupuskan aset dan menghapus kira aset milik Kerajaan Negeri yang hilang.

3. PERATURAN BARU

- 3.1 Bagi meningkatkan lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan, YAB Menteri Besar Terengganu telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada Pegawai Kewangan Negeri dan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bagi meluluskan pelupusan dan menghapus kira kehilangan aset milik Kerajaan Negeri berkuat kuasa mulai 01 Januari 2024. Penurunan kuasa tersebut adalah tertakluk kepada had dan nilai seperti berikut:

...2/-

"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"



(A) Melupuskan Aset Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

(a) Nilai asal perolehan aset melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) dan tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit (RM200,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) hingga tidak lebih daripada satu juta ringgit (RM1,000,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

(ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

(a) Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

(B) Menghapus Kira Kehilangan Aset Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

(a) Nilai asal perolehan aset melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) dan tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit (RM200,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) hingga tidak lebih daripada satu juta ringgit (RM1,000,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset termasuk kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

(ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

(a) Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset termasuk kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.



4. Bagi tujuan perwakilan kuasa ini, aset adalah termasuk aset alih, aset hidup, aset tak ketara dan stok untuk tujuan operasi dan penyelenggaraan yang dibeli, disewa atau dibina dengan wang kerajaan, yang diterima melalui sumbangan atau hadiah, yang diperolehi melalui proses perundangan dan yang dimiliki secara pajakan atau warisan, tetapi tidak termasuk aset tak alih.
5. Semua pelupusan dan hapus kira yang dijalankan oleh pegawai itu hendaklah mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan berhubung dengan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dari semasa ke semasa.
6. Penurunan kuasa ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2024 iaitu tarikh surat penurunan kuasa YAB Menteri Besar Terengganu.


Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NARK SETIA)

s.k.

YBM Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

Pengarah
Jabatan Audit Negara
Negeri Terengganu

Fail timbul

☎ 6276295
✉ amizie@terengganu.gov.my
Penurunan Kuasa Pegawai Pengawal Aset Stor